

Headline	TNB rangkul Anugerah Platinum Global CSR Summit & Awards		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 May 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	17
ArticleSize	147 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,936		



TNB rangkul Anugerah Platinum Global CSR Summit & Awards

KUALA LUMPUR 30 April - Tenaga Nasional Berhad (TNB) buat pertama kalinya merangkul anugerah platinum melalui kategori Anugerah Kepimpinan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam Majlis Annual Global CSR Summit and Awards 2016 di Bali, Indonesia baru-baru ini.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie berkata, penganugerahan itu berdasarkan penglibatan aktif TNB dalam aktiviti yang menekankan usaha-usaha syarikat terutamanya untuk sektor pendidikan, pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar serta pembangunan komuniti.

"Dalam majlis yang sama, TNB turut merangkul tiga lagi anugerah melalui anak-anak syarikat yang menyumbang dan mempromosikan aktiviti CSR TNB.

"TNB Research Sdn. Bhd. (TNB), anak syarikat milik penuh TNB memenangi Anugerah Emas bagi kategori Best Environmental Excellence atas pencapaiannya dalam membuat kajian, memuliharaan alam sekitar dan memindahkan serta menyelamatkan hidupan liar di Projek Hidro Hulu Terengganu," katanya dalam satu kenyataan di sini

hari ini.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin mewakili TNB menerima anugerah tersebut dari Ketua Sekretariat Mekanisme Indonesia bersama Pengkreditan Indonesia-Ker-

jasama Dua Hala Jepun, Dicky Edwin Hirdanto.

Majlis tahunan Global CSR Summit and Awards tersebut mengumpulkan lebih 40 syarikat antarabangsa yang bergiat aktif dalam aktiviti CSR antaranya Tata Consultancy, Samsung, Pertamina dan Maybank.

Selain itu, TNB Janamanjung Sdn. Bhd. telah berjaya meraih dua anugerah iaitu emas untuk kategori Best Workplace Practices dan perak untuk kategori Best Environmental Excellence bagi pengoperasian stesen yang memberi penekanan kepada keprihatinan warga kerja dan alam sekitar.



LEO MOGGIE